

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

Zulhijjah - Muharram 1443 - 1444/ Julai 2022

ACIS

Falsafah Keris Warisan Melayu

Susah sangat ke
menyawit?

Bengkel Penulisan
AKRAB

Kenapa Menuntut Ilmu itu
Penting Dalam Islam?

eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Siti Aishah binti Sokhibul Fadil
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Mohd Hidayat bin Mahadi & Shawal Hamid
Hisam Satari
Suhaila Sharil & Dr. Mohamad Hasif bin Jaafar
Husnul Rita binti Aris

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau apa-apa hasil karya?

Hantarkan ke
bulletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS** siri ke-45 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah “**Falsafah Keris Warisan Melayu**”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- | | |
|--|----------|
| Falsafah Keris Warisan Melayu | 3 |
| Susah Sangat Ke Menyawit | 6 |
| Bengkel penulisan AKRAB | 8 |
| Kenapa Menuntut Ilmu itu Penting Dalam Islam | 9 |

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan secara bulanan.



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Falsafah Keris Warisan Melayu

Oleh:

Mohd Hidayat Bin Mahadi

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Dr Shawal Sahid Hamid

Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

PENGENALAN

Keris merupakan satu warisan bangsa yang harus dikenang sebagai lambang ketamadunan bangsa Melayu. Ia menjadi bukti ilmu sains dan teknologi orang Melayu sudah mendahului zamannya. Dipercayai terdapat 17 hingga 60 jenis besi yang telah digunakan sebagai bahan untuk membuat keris. Keris merupakan senjata yang mempunyai karya seni yang bernilai tinggi. Nilainya terletak pada kecantikan bentuk serta bahan yang digunakan selain proses pembuatannya yang memerlukan jangka waktu yang panjang, ketekunan serta keterampilan yang khusus. Mereka yang memiliki cita rasa seni yang tinggi sudah tentulah akan mengagumi keris sebagai satu artifak budaya yang sangat berharga. Maka sebagai artifak budaya, keris amat sinonim sebagai warisan khas kebudayaan Nusantara dan juga dunia Melayu.

Keris untuk orang Melayu adalah satu senjata yang boleh mengakibatkan kematian sekiranya digunakan dalam pertarungan. Walaubagaimanapun, pandangan umum yang mengatakan bahawa keris itu adalah senjata untuk membunuh adalah satu tanggapan yang tersasar daripada konsep sebenar keris itu diciptakan. Masyarakat Melayu menganggap bahawa keris itu sebagai satu azimat. Manakala orang Jawa pula menyatakan bahawa keris adalah ‘tosan aji’ atau ‘senjata yang mempunyai kuasa ghaib’ dan memberikan ‘kepercayaan dan keyakinan diri dalam meraih nasib yang baik, terlindung dan selamat’ bagi pemiliknya. Manakala bagi orang Bugis pula, keris atau dipanggil sebagai polo bessi merupakan ‘senjata pusaka atau besi mulia dan bernilai’.

REKABENTUK KERIS DAN FALSAFAHNYA

Setiap rekaan bilah keris, terdapat tiga perkara yang diformulasikan iaitu falsafah, adab dan rahsia. Bangsa Melayu adalah bangsa yang penuh dengan falsafah, penuh dengan adab dan penuh dengan rahsia. Falsafah keris diciptakan walaupun bukan dengan niat untuk membunuh, namun keris tetap mempunyai fungsinya sebagai senjata apabila ianya dikeluarkan daripada sarungnya (al Mudra, 2009). Apabila ia dihunus dan digunakan, ianya akan membunuh. Oleh itu, keris sebagai alat mempertahankan diri dibuat pendek dan pelik untuk dijadikan senjata jika dibandingkan dengan persenjataan Melayu yang lain seperti pedang dan parang.



Keris menurut Falsafah Hindu Buddha

Pada zaman pra-Islam, unsur Hindu Buddha dapat dikesan pada keris; setiap keris hadir dalam dua bahagian iaitu bahagian bilah dan ganja di mana masing-masing melambangkan lingga dan yoni. Menurut falsafah Hindu, penyatuhan lingga dan yoni membawa maksud kesuburan, keabadian dan kekuatan.

Pada zaman candi Prambanan pula, terdapatnya ukiran terutamanya di candi yang dibina untuk memuja dewa Shiva – ada relief monyet yang menghunus senjata belati yang mirip seperti keris. Tetapi setelah kedatangan Islam, semua unsur agama lama telah digantikan dengan falsafah kelslamatan.

Falsafah keris kini

Falsafah keris yang wujud setelah kedatangan Islam adalah sangat unik. Dari segi lok keris, lok tiga bermaksud untuk panglima, pahlawan, dan pendekar yang menjalankan tugas keduniaan dan kerohanian. Lok 5 pula melambangkan kepetahanan pemiliknya dalam berbicara serta mempengaruhi pendengar. Manakala lok 7 pula melambangkan kewibawaan dan karisma dalam pemerintahan. Lok 9 melambangkan kebijaksanaan dan kepimpinan yang biasanya dipakai oleh raja atau sultan. Lok 11 melambangkan pemiliknya yang bercita-cita tinggi mengejar kemajuan ekonomi dan sosial. Manakala terakhir ialah lok 13 iaitu melambangkan pemiliknya berani mati mempertahankan apa sahaja yang dimiliki daripada dirampas tanpa hak (Hill, A. H. 1956). Dalam sebuah sumber yang lain pula, keris sama ada berbentuk lurus atau lok, mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Keris lurus dikenali sebagai sarpa tapa atau ular bertapa yang dicipta bersandarkan pada prinsip, iaitu apabila dikeluarkan daripada sarungnya untuk pertarungan, tiada lagi boleh berbicara dan sebaliknya, membunuh dengan cepat

dan ringkas. Manakala keris lok menyerupai ular yang sedang bergerak dan lebih dikenali sebagai sarpa lumuka atau ular menjalar dan dikatakan boleh membunuh dengan cepat dan kejam. Kesinambungan daripada penciptaan keris lok, bentuk lok yang ganjil pada bilah keris membawa falsafah yang melambangkan status dan kedudukan sosial pemiliknya.

Falsafah keris yang berkaitan dengan kaedah pembuatannya dengan asal usul kejadian manusia. Penciptaan manusia adalah berdasarkan kepada kepercayaan empat unsur iaitu tanah, api, angin dan air. Manusia diciptakan daripada tanah dan dilembutkan dengan air yang kemudiannya dibakar pula dengan api sebelum ia dihembuskan roh. Para empun dan tukang besi telah mengambil pengajaran daripada kejadian ciptaan manusia ini. Bahan baku pembuatan keris seperti besi, baja dan nikel diambil daripada tanah dan diadunkan dengan api serta air semasa menjalani proses pembuatannya. Hal ini diikuti dengan doa atau mentera yang dibuat oleh Empu atau pandai besi dengan ritual-ritual tertentu yang bergantung kepada hajat si pemesan.

Adab permainan keris pula, pendekar Melayu mempunyai falsafah yang berbeza dari pendekar Jawa. Selepas keris dikeluarkan, keris itu dibawa ke hadapan dan dikucup seraya menyatakan ‘ini milikku dan hakku’ oleh pendekar Jawa. Setelah keris dikucup, pendekar Jawa akan meletakkan keris tersebut dipangkal ulu hatinya bagi mendapatkan resapan mistik atau makhluk halus ke dalam tubuhnya. Manakala pendekar Melayu pula mengatakan ‘ini Keris. Keris digenggamanku’. Bagi pendekar Melayu, selepas keris dikucup dan dibawa kehadapan, melafazkan kata ‘semua ini milik Allah’ (Haryono Haryoguritno, 2005).

Bagi pembuatan dan penempaan bilah keris, empunya atau tukang besi perlu mengambil atau mencari pelbagai jenis besi daripada sembilan (9) daerah sebagai bahan baku. Bahan baku daripada sembilan (9) daerah tadi ditempa berulang-ulang kali untuk dijadikan sebilah keris. Setelah bilah siap ditempa, bilah keris akan disepuh pula dengan air yang diambil sekurang-kurangnya daripada tiga (3) kuala sungai. Bahan baku bilah keris yang dibuat dan ditempa dengan kaedah ini dikenali sebagai ‘besi 9 desa’. Setelah disepuh, bilah keris akan dipertapakan selama empat puluh empat hari di tempat yang paling tinggi di daerah mana bilah keris itu ditempa. Falsafahnya, keris yang dipertapakan di tempat yang paling tinggi memberikan maksud bahawa keris itu mempunyai kehebatan yang tidak dapat ditandingi.

Bagi masyarakat Jawa, Prasada Wibawa (2008) memberikan lima falsafah Jawa berkaitan dengan simbol kesempurnaan seorang lelaki, iaitu Curigo (keris), Turangga (kuda), wisma (rumah), Wanita (perempuan) dan Kukila (burung). Kelima-lima simbol kesempurnaan itu berkait rapat dengan pengaruh kebudayaan Hindu. Lima falsafah tersebut digunakan dalam menghadapi perjalanan kehidupan sehari-hari masyarakat Jawa. Hal ini menunjukkan bahawa betapa tinggi kedudukan mereka yang memiliki keris dalam hidup mereka sebagai seorang lelaki Jawa. Orang Melayu mempunyai falsafah yang berbeza daripada orang Jawa dalam gaya dan cara pemakaian keris. Umumnya, orang Melayu menyisipkan keris di pinggang, iaitu dibahagian hadapan badan dengan menaruhkan harapan dan ketuahan kepada keris lebih utama daripada diri mereka sendiri. Apabila dilihat dari hadapan, musuh atau lawan sudah berandaian bahawa si pemakai keris sebenarnya sudah siap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Manakala bagi orang Jawa,

keris disisipkan dibahagian belakang badan mereka dengan niat untuk sentiasa berwaspada dan keris dicabut daripada sarungnya apabila diperlukan. Lantaran itu, keris yang disembunyikan di belakang badan juga bertujuan untuk mengelirukan lawan.

Dalam menyatakan falsafah keris, terdapat 10 simbol yang menjadi teras kepada falsafah keris dalam masyarakat Melayu (Tenas Effendy 2008), iaitu:

- a) Keris sebagai simbol Tuah dan Marwah – setiap keris yang baik mengandungi nilai-nilai, kekuatan atau keutamaan tertentu yang dapat menjadi kekuatan batiniah dan lahiriah yang hakikatnya menjadi lambang tuah dan maruah.
- b) Keris sebagai sebuah simbol kejantanan – keris dipercayai memiliki kekuatan yang dapat meningkatkan rasa berani, keperkasaan dan percaya diri yang wujud daripada kejantanan atau kelakian.
- c) Keris sebagai sebuah simbol harga diri – keris dipercayai mengandungi nilai-nilai harga diri atau kewibawaan pemiliknya.
- d) Keris sebagai simbol jati diri – keris dipercayai mengandungi nilai-nilai jati diri pemiliknya dengan kepelbagaian bahan pembuatannya dan simbol-simbol yang terkandung didalamnya.
- e) Keris sebagai simbol daulat (wibawa dan kekuasaan) – keris mengandungi nilai-nilai dan kekuatan yang dapat mengekalkan daulat, wibawa dan kekuasaan pemiliknya.
- f) Keris sebagai simbol batang tubuh – keris dipercayai sebagai batang tubuh pemiliknya kerana dalam upacara atau keperluan tertentu dapat menjadi ‘wakil’ pemiliknya.
- g) Keris sebagai senjata – keris dicipta secara khususnya untuk dijadikan sebagai senjata utama.
- h) Keris sebagai penjaga diri – keris menjadi penjaga diri, iaitu memelihara diri pemiliknya dan kaum keluarganya daripada pelbagai cabaran dan bahaya sama ada secara zahir atau pun batin.
- i) Keris sebagai pembantu dalam pelbagai bidang – keris memiliki kekuatan atau nilai yang dapat membantu dalam pelbagai bidang hidup sehari-hari.
- j) Keris sebagai pakaian – oleh kerana keris mempunyai pelbagai keutamaan, nilai dan simbol serta falsafahnya, maka keris dijadikan pakaian sepanjang hidup.

KERIS SEBAGAI SENJATA

Dalam pertarungan, senjata panjang tidak diperlukan. Apabila bersenjata, senjata tersebut perlu dihindar daripada pandangan musuh untuk tujuan mengelirukan. Hakikatnya, senjata tersebut sekiranya terlihat maka ia boleh membawa maksud sebagai baik atau buruk padanya. Jika baik, ia akan diterima. Sekiranya buruk, maka ia akan dielakkan. Oleh kerana itu, sekiranya keris tidak nampak, sukar untuk ditentukan sama ada hendak diterima atau dielak. Keris diciptakan dengan cara ditusuk atau ditikam, disampaikan dengan cepat, tidak nampak dan mengelirukan, serta mengejutkan musuh semasa dalam pertikaman. Itulah sebahagian daripada falsafah keris apabila ianya dicabut daripada pakaianya.

Keris tidak seperti parang, pedang, kelewang, tumbuk lada atau lain-lain persenjataan Melayu. Keris diciptakan dengan kedua bilah mata dan hujungnya yang tajam. Sekiranya menyerang atau mengelak serangan, keris yang bermata tiga tetap dapat dilihat oleh empunya. Jika menyerang atau mengelak ke kiri atau ke kanan

atau pun tidak mengelak, mata keris masih boleh juga dilihat. Keris yang bersifat pendek fizikalnya, amat mudah dicabut apabila diperlukan. Falsafahnya dari sudut ini pula, mudah dimaksudkan seperti tidak elak kena, elak juga tetap kena.

Terdapat persamaan falsafah antara orang Melayu dan orang Jawa dalam menentukan kedudukan hulu keris semasa disisipkan di pinggang. Apabila hulu keris dihadapkan ke arah badan, iaitu sama ada di bahagian depan atau pun belakang si pemakai, ia membawa makna ‘aku datang dengan aman’. Sekiranya hulu keris dihadapkan keluar, ia merupakan tanda amaran kepada musuh atau lawan dan memberikan maksud ‘aku siap untuk bertarung’. Dalam pertarungan atau pertikaman, senjata yang panjang tidak dimestikan. Apabila bersenjata, senjata tersebut perlu dihindar daripada pandangan musuh bagi tujuan pengeliruan. Dari segi pengamatan pula, timbul persoalan tentang bilah keris yang diciptakan dengan bermata tiga.

PEMAKAIAN KERIS

Dari aspek pemakaian keris di alam Melayu khususnya ketika memasuki istana dan menghadap sultan, hanya keris berhulu Jawa Demam dan Pekaka sahaja yang dibenarkan berada di balairong seri. Keadaan yang serupa juga berlaku dalam tradisi masyarakat Jawa iaitu hanya keris yang bersampir Ladrang sahaja yang dibenarkan berada di dalam ruangan istana. Bentuk hulu dan sampir seperti mana yang dinyatakan adalah berfalsafahkan bahawa keris tersebut melambangkan ‘keris istiadat dan beradab’. Dalam upacara yang dikenali umum sebagai ‘membersih, mencuci, dan memandi keris’ yang dibuat pada awal Muhamarram, pelbagai acara tradisi keris dilakukan.

Dalam budaya perkerisan, bulan Muhamarram dianggap sebagai bulan menuntut ilmu, mengambil ilmu atau membuang ilmu. Kebiasannya, keris dibersihkan, dicuci dan dimandikan dengan diikuti oleh ritual-ritual khusus. Ritual-ritual tersebut dibuat bagi memantapkan per’isi’an dan kedampingan yang berada pada bilah keris. Oleh itu, salah satu daripada falsafah keris ialah keris merupakan tempat atau ‘rumah’ untuk khadam diletakkan dan disimpankan. Falsafah keris dari kacamata orang Melayu bukan sekadar alat mempertahankan diri, tetapi ia juga berkaitan dengan soal maruah dan juga prinsip.

KESIMPULAN

Dalam setiap perincian keris, terdapat tiga perkara yang telah dititikberatkan iaitu falsafah, adab dan rahsia. Bangsa Melayu adalah satu bangsa yang penuh dengan falsafahnya, kaya dengan adab serta sarat dengan rahsia. Walaupun falsafah keris dicipta bukan dengan niat untuk membunuh, tetapi keris tetap sebagai satu senjata apabila ianya dikeluarkan daripada sarungnya. Kebiasaannya, apabila keris dikeluarkan daripada sarungnya adalah dengan tujuan untuk menjaga maruah tuan punya badan dan bukan lagi untuk mempertahankan diri, tetapi untuk membunuh. Dengan itu, keris sebagai alat mempertahankan diri dibuat sebegitu pendek dan istimewa untuk dijadikan senjata jika dibandingkan dengan persenjataan Melayu yang lainnya seperti pedang. Itulah ciri menjadi asbab keris diciptakan sedemikian rupa kerana keris adalah alat yang mempunyai falsafahnya yang unik dan tersendiri.

RUJUKAN

- Khamid Muhammad & Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman. 2013. Falsafah dan isu masa kini. International Journal of the Malay World and Civilization.
- Haryono Haryoguritno. 2005. Keris Jawa-antara mistik dan nalar. Jakarta: PT Jayakarta Agung Offset.
- Al-Mudra, M. 2009. Melacak asal usul keris dan peranannya dalam sejarah Nusantara. Sari – Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tenas Effendy. 2008. Keris dalam budaya Melayu Riau. Seminar Keris Nusantara: Bengkel Keris Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: 13-14 November.
- Hill, A. H. 1956. The keris and other Malay weapons. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society XXIX: 16.
- Bambang Harsrinuksmo. 2004. Ensiklopedia keris. Jakarta: Percetakan PT Ikrar Mandiriabadi.

Susah sangat ke “menyawit”?

Oleh:

Hisam Satari

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah



Khazanah Research Institute (KRI) mendapati sektor kelapa sawit antara yang paling terdedah kepada masalah pengurangan tenaga buruh disebabkan oleh beberapa faktor terutamanya pandemik COVID-19. Di Malaysia, sektor perladangan sawit dipelopori generasi yang berusia rata-rata dalam lingkungan 55 tahun ke atas di mana ia bergantung dengan tenaga kerja asing dalam menguruskan hasil tanaman mereka. Penyertaan golongan belia dalam sektor perladangan kelapa sawit tidak memberangsangkan berbanding di sektor lain. Hal ini kerana, masyarakat menganggap sektor perladangan sawit sebagai kerjaya pilihan kedua selepas sektor pembuatan dan sektor kerajaan. Alzahrin (2021).

Kajian Kamaruddin et al. (2016) dan Hashim et al. (2019) menyatakan bahawa antara faktor utama yang menyebabkan belia tempatan menolak penglibatan mereka dalam industri ini adalah persepsi negatif mereka terhadap persekitaran tempat kerja yang tidak menarik, kotor dan mempunyai risiko kemalangan kerja yang tinggi berbanding sektor-sektor pekerjaan yang lain. Tambahan pula, faktor ganjaran yang diterima dan gaji yang rendah juga menyebabkan golongan belia kurang memilih sektor pertanian dalam pemilihan kerjaya mereka (Abdul Aziz & Norhlilmatus Naem, 2013, Ayob et al., 2015 serta Hashim et al., 2019).. Oleh itu, hal ini jelas membuktikan bahawa sekiranya ganjaran yang diberikan adalah tinggi dan lumayan maka ianya mampu membantu meningkatkan minat golongan belia untuk mencuba sektor perladangan sebagai kerjaya pilihan.

Selain itu, pelajar di kawasan bandar juga berpendapat bahawa sektor kelapa sawit bukan bidang yang menawarkan pendapatan yang lumayan (Maros et al., 2019). Saad et al. (2016) pula menyatakan bahawa bagi mengekalkan tenaga buruh sedia ada dalam kalangan belia dalam sektor perladangan kelapa sawit, persepsi mengenai pendapatan yang tidak lumayan apabila bekerja di sektor ini perlu diubah. Hasil dapatan kajian ini boleh membantu majikan di sektor perladangan kelapa sawit untuk lebih terbuka memberikan tawaran pendapatan yang lebih lumayan kepada pekerja tempatan, khususnya golongan belia. Hal ini kerana, sekiranya mengambil kira kos untuk mengupah dan mengambil tenaga kerja asing juga memerlukan kos yang tinggi dan sangat terhad. Selain itu, faktor lokasi sektor perladangan kelapa sawit yang tertumpu di kawasan luar bandar juga menyebabkan belia tidak bersedia untuk bekerja di sektor ini. Pekerja tempatan melihat secara negatif tentang lokasi perladangan kelapa sawit yang terletak di luar bandar apabila terhad dari kemudahan-kemudahan seperti capaian internet.

Jika ada remaja sedang mencari peluang pekerjaan, adakah kerja sebagai pemetik kelapa sawit akan menjadi pilihan? Cuba tanya anak-anak remaja lepasan SPM apakah kerjaya pilihan mereka? Cuba tanya ibu bapa yang ingin menerima menantu lelaki, apakah yang ada dalam benak fikiran bila anak perempuannya memilih untuk hidup dengan seorang pemetik kelapa sawit? Barangkali dahinya berkerut, matanya masuk ke dalam menumpukan pemikirannya apakah akan jadi pada anaknya nanti. Terdapat pelbagai hal dan isu berkaitan dengan perihal kerjaya pemetik kelapa sawit yang menjadi faktor penghalang di zaman sekarang. Kita bukan lagi hidup di zaman ibu bapa kita pada era 50 tahun yang lalu. Seorang lelaki yang kerjanya sekadar mengambil upah membuat parit dan mengupas kelapa tapi mampu menyara keluarga dengan bilangan anak lebih dari 5 orang. Malah, ia lebih membuatkan kita terdiam apabila dengan usaha itu mampu membeli tanah seluas 3 ekar hanya dengan kudrat dan azam yang kuat. Di mana tanah 3 ekar itu sekarang setelah orang itu meninggal dunia? Ia ada pada generasi yang seterusnya yang sudah tidak mahu lagi menghirup bau peluh yang bercucuran kerana kepenatan memetik kelapa sawit. Ia rela diupahkan kepada warga asing yang terpaksa dibahagi hasilnya kepada dua pihak. Generasi sekarang hanya melihat pada mata benda dan kesenangan di hadapan mata. Cuba kita renung pada sisi lain yang sebenarnya tersirat rahsia yang tersembunyi berkaitan kerja yang dikatakan kotor dan berat ini.

Seorang pekerja kebun atau ladang kelapa sawit akan bangun seawal pagi untuk melakukan persediaan bekerja, ia akan bersarapan terlebih dahulu dan adakalanya akan membawa bekalan makanan atau minuman yang secukupnya. Kelelahan dari urat kaki sehingga urat kepala akan memastikan pengambilan minuman yang maksimum diambil. Kekuatan tangan untuk membuat pelepas dan menjatuhkan buah sawit memerlukan tenaga lengan dan pergelangan tangan, setelah buah jatuh dan pelepas terpotong, ia perlu diangkat untuk disusun di sebelah antara pokok, buah perlu diangkat untuk diletakkan di tepi jalan bagi memudahkan urusan pengumpulan di jalan besar bagi operasi pemunggahan ke atas lori.

Sekali lagi kekuatan kaki, lengan, posisi pinggang dan urat perut harus selari untuk mengangkat setandan kelapa sawit yang beratnya lebih dari 5 kilogram. (Penulis biasa mengangkat setandan sawit dengan anggaran berat 25 kilogram). Bagi buah yang lerai daripada tandannya, ia perlu dikutip, operasi mengutip memerlukan kekuatan tangan serta

pinggang kerana ia perlu dilakukan dalam kedaan mencangkung. maka operasi ini berlanjutan sehingga keseluruhan pokok sebanyak lebih daripada 150 batang bagi keluasan 3 ekar tanah. Seterusnya bila sudah selesai operasi memetik dan membersihkan batang pokok, operasi mengangkat tandan sawit dari dalam kebun ke jalan besar pula lakukan dengan menggunakan motosikal atau kereta sorong. Sudah tentu kekuatan tangan serta kaki sangat diperlukan bagi menjalankan kerja ini. Dalam menjalankan kerja memetik serta mengangkat tandan sawit, seluruh kekuatan tubuh dari tapak kaki sehingga mata perlu sentiasa fokus kerana bila-bila masa buah atau pelepah yang dipotong terkadang tersasar mengenai tubuh pemetik.

Kerjanya berat, kotor dan meletihkan tetapi ia memberi nilai kesihatan yang sangat bernilai. Bagi generasi muda sekarang, kita tidak menghalang mereka memilih kerjaya yang lebih terjamin serta menyenangkan. Bagi mereka yang ingin menjadikan kerjaya pemetik kelapa sawit sebagai satu-satunya kerjaya pilihan, anda harus memilih kerja di ladang kerana keluasannya lebih besar dan upahnya juga lebih lumayan. Manakala yang hanya mempunyai keluasan yang sedikit, pilihlah kerjaya idaman masing-masing namun disarankan untuk peruntukkan juga masa memetik pada hujung minggu dua kali sebulan atau sekali sebulan. Dengan ini maka kebergantungan pada pekerja asing dapat dikurangkan dan hasil kebun sentiasa mengalir walaupun sedikit. Kelapa sawit adalah komoditi yang tahan lasak, sekali ia hidup ia akan tetap berbuah, jika ingin buah yang berkualiti tiada jalan lain kecuali dengan membaja sekera 2 kali setahun dengan baja yang sesuai dengan jenis tanah ia ditanam. Jika kita melabur lebih, maka pulangannya juga lebih. Peribahasa ada menyebut, alah bisa tegal biasa.

Cuba dahulu, mungkin badan kita akan sengal-sengal dan terkadang akan mengakibatkan demam, tapi jangan risau, ia hanya sekadar ingin membiasakan urat-urat tubuh yang belum terbiasa. Lakukan sekali lagi, in sya allah bila tubuh sudah serasi maka inilah kerja yang menyihatkan. Anda tidak perlu berjogging atau ke gimnasium untuk bersenam, inilah rahsia kenapa generasi ayah-ayah kita sihat dan tiada masalah kesihatan yang kronik, bahkan mereka akan merasa tidak selesa apabila tidak menghidu bau peluh yang keluar dari tubuh mereka.

Rujukan

Kamaruddin, R., Amizi, M., Abdullah, N., Ali, J., & Aznor, S. (May

21 - 22, 2016). Job satisfaction among Malaysia youth working in the oil palm plantation sector: Analysis of attraction and repulsion factors. Paper presented at the Proceedings of the 3rd Kuala Lumpur International Agriculture, Forestry and Plantation, Hotel Putra, Kuala Lumpur, Malaysia dlm Hasmiza Desa1*, Er Ah Choy2. Faktor Pemilihan Kerjaya dalam kalangan Belia di Sektor Perladangan Kelapa Sawit. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562) 2022, Volume 7, Issue 6, e001576

Hashim, F., Bakar, K. A., & Stapa, S. H. (2019). Sikap dan motivasi generasi muda terhadap industri minyak kelapa sawit. E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities, 16(4), 1-17. Malaysia dlm Hasmiza Desa1*, Er Ah Choy2. Faktor Pemilihan Kerjaya dalam kalangan Belia di Sektor Perladangan Kelapa Sawit. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Abdul Aziz, A., & Norhlilmatus Naem, S. (2013). Factors that influence the interest of youths in agricultural entrepreneurship. International Journal of Business and Social Science, 4(3), 1-15. Malaysia dlm Hasmiza Desa1*, Er Ah Choy2. Faktor Pemilihan Kerjaya dalam kalangan Belia di Sektor Perladangan Kelapa Sawit. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Ayob, M. A., Abdullah, N., Ali, J., & Kamaruddin, R. (2015). Perception of local youth in Sabah towards career in oil palm plantation. The Asia Pacific Journal of Advanced Business and Social Studies, 1(1), 239-246. Malaysia dlm Hasmiza Desa1*, Er Ah Choy2. Faktor Pemilihan Kerjaya dalam kalangan Belia di Sektor Perladangan Kelapa Sawit. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Maros, M., Shaari, A. H., & Choy, E. (2019). Sikap belia dalam industri sawit di Malaysia: Satu kajian keperluan. Akademika, 89(1), 175-189. Malaysia dlm Hasmiza Desa1*, Er Ah Choy2. Faktor Pemilihan Kerjaya dalam kalangan Belia di Sektor Perladangan Kelapa Sawit. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Saad, S., Selvadurai, S., Isnin, M. K. A., Basaruddin, N. H., & Mansor, N. H. (2016). Sustainability of youth involvement in palm oil sector. International Journal of Management and Applied Science, 2(10), 89-93. Malaysia dlm Hasmiza Desa1*, Er Ah Choy2. Faktor Pemilihan Kerjaya dalam kalangan Belia di Sektor Perladangan Kelapa Sawit. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Alzahrin Alias.2021. Khazanah Research.Berita harian.

Bengkel Penulisan AKRAB

Oleh:

Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Dr. Mohamad Hasif bin Jaafar

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah



Bengkel Penulisan AKRAB telah dijalankan sebanyak dua kali bagi tahun 2022 iaitu pada 3 Jun 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban dan pada 21 Julai 2022 di Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Islam Kampus Rembau. Bengkel Penulisan AKRAB ACIS bagi Tahun 2022 telah diketuai oleh Dr. Mohamad Hasif bin Jaafar dan 4 orang ahli yang lain iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Ramli, Dr. Mohd Kamel Mat Salleh, Nurul Atikah binti Poniran dan Suhaila Sharil. Antara objektif divujudkan AKRAB adalah untuk memastikan aktiviti, proses dan prosedur kampus selari dengan visi dan misi universiti. Selain itu, ia juga untuk meluaskan tanggungjawab pengumpulan, analisis dan perbandingan data serta mendokumentasikan segala aktiviti proses dan prosedur kampus yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Oleh yang demikian, AKRAB menekankan penglibatan daripada semua staf di dalam pelaporan dan dokumentasi serta disertai dengan bukti.

Antara bidang tujuan AKRAB ACIS adalah pembangunan pelajar. Justeru, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ramli telah memulakan Bengkel AKRAB tersebut dengan menceritakan pengalaman -pengalaman beliau. Beliau menggarap semula penulisan AKRAB dengan perancangan strategik dan menganalisa hasil daripada program-program yang telah diadakan melalui kajian kes. Beliau melihat dari sudut kepimpinan ACIS yang cemerlang khususnya dari sudut tenaga pengajar dan juga pelajar. Hasilnya didapati seramai 4 orang pensyarah ACIS telah menjadi penasihat persatuan iaitu Ustaz Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Ubaidah dan Ustaz Muhammad Noor Bin Hussin telah menjadi dilantik sebagai Penasihat Ikatan Persatuan Mahasiswa Muslim (IPMM) manakala Ustazah Nurul Atikah binti Poniran telah menjadi Penasihat Diploma Pelajar Halal dan Ustazah Suhaila Sharil memegang amanah sebagai Penasihat Persatuan Briged



Sukarelawan. Oleh yang demikian, bidang tujuan dari segi pembangunan pelajar tersebut dibahagikan mengikut perancangan strategik melalui dua kategori iaitu servicing dan IC120 (Diploma Pengurusan Halal).

Pada 21 Julai 2022 Dr. Mohamad Hasif Bin Jaafar telah membahagikan tugas tersebut kepada 2 kumpulan untuk lebih memudahkan proses dokumentasi tersebut dibuat. Selain itu, Ustazah Nurul Atikah binti Poniran juga membuat satu Google Form untuk diberikan kepada pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Halal dan pelajar *servicing* bagi mengumpulkan semua data berkaitan kepimpinan yang telah disertai. Semoga penulisan AKRAB ini tidak berakhir di sini malah diteruskan dengan kerjasama daripada semua pensyarah dan pelajar untuk memberi impak kepada proses pendokumentasian. Jawatankuasa AKRAB mengucapkan setinggi penghargaan kepada Ketua Pusat Pengajaran iaitu Ustazah Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil dan mantan Ketua Pusat Pengajaran iaitu Ustaz Hisam Satari di atas kepercayaan dan amanah yang diberikan.

Kenapa Menuntut Ilmu Itu Penting Dalam Islam?

Oleh:

Husnul Rita binti Aris

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Isu terkini dalam berita minggu lepas ada menyatakan bahawa ramai pelajar lepasan SPM tidak berminat untuk menyambung belajar selepas habis belajar di peringkat menengah. Apabila dikaji, didapati bahawa banyak faktor mempengaruhi pemikiran dan tindakan pelajar-pelajar tersebut. Antaranya adalah mudah terpengaruh dengan influencer, mencari duit untuk bantu keluarga, tidak nampak kepentingan menuntut ilmu, terpengaruh dengan kawan-kawan yang telah bekerja dan mendapat duit banyak, merasakan sambung belajar membuang masa, merasakan tiada jaminan dapat kerja lepas sambung belajar. Ini antara faktor-faktor mengapa ramai pelajar lepasan SPM masa kini tidak mahu sambung belajar lagi.

Hakikatnya dalam Islam, ilmu itu diumpamakan cahaya yang menerangi masa hadapan dan kehidupan yang lebih baik. Menuntut ilmu adalah amat penting bagi memastikan kehidupan manusia sentiasa dalam keadaan berilmu dan dapat menggunakan ilmu tersebut dalam kehidupan sehari-hari. Pembahagian ilmu yang bermanfaat dalam Islam terbahagi kepada ilmu dari Illahi iaitu ilmu yang disampaikan kepada manusia melalui ilham dan jenis ilmu ini khusus bagi para nabi, para wali dan orang-orang soleh. Lainya bermaksud ilmu-ilmu yang tidak berubah dengan perubahan zaman dan tempat serta tidak berubah dengan perubahan mazhab. Ilmu logik atau dipanggil ilmu mantiq seperti usul fiqh, ilmu tafsir, ilmu usul hadith dan lain-lain lagi. Ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan Islam adalah seperti ilmu tentang perincian teks, memahaminya, menganalisisnya, mentafsirkannya dan mengeluarkan ketetapan daripadanya. Selain itu, terdapat pandangan membahagikan ilmu kepada ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah, ada juga membahagian ilmu kepada ilmu naqli dan ilmu aqli. Ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi. Antara ilmu fardhu kifayah atau ilmu aqliyyah atau ilmu duniawi adalah seperti ilmu sains teknologi, ilmu robotik, ilmu matematik, ilmu pertanian, ilmu sains sukan, ilmu sains pentadbiran, ilmu perundangan, ilmu biologi, ilmu kejuruteraan, ilmu sains, ilmu fizik dan lain-lain lagi. Ini adalah penting bagi umat Islam menguasainya agar umat Islam tidak ketinggalan bahkan setanding dengan dunia Barat kini. Kesemua pembahagian ilmu dalam Islam adalah hampir sama dari aspek sumber dan matlamatnya kecuali pembahagian ilmu yang diperkenalkan dalam dunia Barat kini yang hanya melebihkan kepada keduniaan semata-mata dan melupakan kepada matlamat sebenar dalam Islam hakikat dalam menuntut ilmu sebenar serta hilangnya metafizik dalam dunia keilmuannya.

Manakala manfaat menuntut ilmu adalah menjadikan pandangan manusia tentang kehidupan jua berubah dan menjadi lebih mendalam dan realistik. Orang yang berilmu

lebih bijak, rasional, dapat membezakan antara yang benar dan yang salah serta membezakan antara yang baik dan jahat.

Banyak negara menjadi maju dengan adanya sains dan teknologi yang mampu memudahkan urusan-urusan manusia serta dapat meningkatkan reputasi yang baik, mengukuhkan ekonomi mereka, menjauhkan mereka daripada kebuluran, penyakit dan kemiskinan. Selain itu dapat meningkatkan status serta tahap profesional seseorang dalam masyarakat dengan adanya sijil-sijil dan pelbagai ijazah.

Antara manfaat lain dalam menuntut ilmu adalah seseorang itu dapat memperolehi pelbagai kemahiran yang dapat membantunya dalam dunia pekerjaan. Pengetahuan tentang kebenaran yang boleh menyedarkan seseorang itu tentang haknya dengan jelas, membantunya mengetahui apa yang patut dilakukannya apabila haknya dilanggar. Penghayatan terhadap budaya lain yang mana orang ramai boleh belajar tentang budaya yang berbeza di samping meningkatkan pengetahuan seseorang tentang budaya, agama, falsafah, sejarah, penerimaan dan penghargaan orang lain yang berbeza. Selain itu ke arah pembangunan masyarakat yang mapan yang mana pendidikan dapat membantu meningkat tahap ekonomi individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Jikalau diperhatikan dalam surah al-Álaq, Allah menggalakkan manusia agar menuntut ilmu. Firman Allah SWT bermaksud "*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku*"(Surah al-Álaq: ayat 1-2).

Apabila dikanak-kanak dengan ayat di atas daripada surah al-Álaq, Allah SWT mengingatkan manusia agar sentiasa mengingatiNya kerana Allah SWT jualah Pencipta makhluk di alam ini. Walaupun manusia hebat mana pun, tidak boleh melupai bahawa pencipta ilmu yang sebenar berkaitan alam, manusia, tumbuh-tumbuhan, matahari, bintang-bintang, laut, binatang dan lain-lain yang hidup ini adalah Allah SWT.

Islam juga menggalakkan umatnya menuntut ilmu dalam pelbagai bidang mampu menjadi khalifah Allah agar mampu mentadbir bumi ini dengan sebaik mungkin. Pada hakikatnya Islam tidak menolak kemajuan yang berlaku hari ini, namun perlulah imu dan kemajuan itu berlandaskan kepada syariat Islam agar Allah meredhainya serta memberkahinya. Tidak dinafikan kemajuan dunia Islam terdahulu menjadi contoh dan ikutan kepada dunia Barat sehingga hari ini dalam pelbagai ilmu dan teknologi. Di Eropah, mereka telah mengecapi pelbagai kemajuan yang bermula dengan zaman Renaissance.

Hakikat sebenarnya, matlamat utama menuntut ilmu adalah membawa kepada mengenal Allah sebagai pencipta yang Maha Esa serta menyucikanNya daripada segala penyembahan yang membawa kepada syirik.

Seorang Muslim yang menikmati laluan perjalanan dalam menuntut ilmu akan menyedari manifestasi kekuasaan Allah dan mengkaji mukjizat saintifik daripada semua fenomena alam semesta serta mampu manafikan segala penyerupaan yang setanding dan sehebat kekuasaan Allah. Selain itu, menuntut ilmu juga menjadi asas untuk mencari kebenaran iman iaitu dengan mengetahui apa yang dapat menyempurnakan ibadah dan apa yang harus dilakukan dan diselesaikan oleh seorang Muslim. Tambahan lagi menuntut ilmu juga dikaitkan dengan keredhaan Allah dan RasulNya iaitu seorang dapat mencapai ketakwaan kepada Allah kerana mengajar kerendahan hati, akhlak yang baik serta ketaqwaan kepadaNya. Ini menjadikan penuntut ilmu orang yang akan mendapat ketinggian darjat di dunia dan akhirat.

Antara dalil-dalil dari al-Quran yang menerangkan tentang kelebihan menuntut ilmu adalah bermaksud

"Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada Ahluzzikri jika kamu tidak mengetahui." (Surah al-Anbiya': ayat 7)

"Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada

Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihanNya kepada kamu, tentulah kamu (terbabas) menurut Syaitan kecuali sedikit sahaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu). Oleh itu, berperanglah (wahai Muhammad) pada jalan Allah (untuk membela Islam dari pencerobohan musuh); engkau tidak diberati selain daripada kewajipanmu sendiri dan berilah perangsang kepada orang-orang yang beriman (supaya turut berjuang dengan gagah berani). Mudah-mudahan Allah menahan bahan serangan orang-orang yang kafir itu dan (ingatlah) Allah Amatlah besar kekuatanNya dan Amatlah berat azab seksaNya" (Surah al-Nisa': ayat 83).

"Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahwasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana" (Surah al-Imran: ayat 18).

"Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu" (Surah Fatir: ayat 28).

"Katakanlah lagi (kepadanya): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna" (Surah al-Zumar: ayat 9).

Manakala, antara dalil-dalil dalam hadith yang menggalakkan manusia menuntut ilmu adalah bermaksud

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. *"Sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: "Apabila telah mati seorang insan maka telah terputus daripadanya amalannya melainkan 3 perkara (3 perkara, dalam al-Tirmizi: Tiga) : melainkan daripada sedekah jariah, atau ilmu yang bermanfaat atau anak soleh yang mendoakannya"*

Rasulullah s.a.w bersabda: *"Allah dan malaikat-malaikat-Nya, bahkan semut di dalam lubangnya dan juga ikan paus di laut, berselawat kepada orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia"*

Rasulullah SAW bersabda: *"Barang siapa yang dikehendaki Allah kebaikan baginya, nescaya diberikan kefahaman tentang agama"*

Rasulullah s.a.w bersabda: *"Barangsiapa yang menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan menempuh jalan dari jalan-jalan syurga, dan para malaikat meletakkan sayapnya bagi penuntut ilmu, redha dengan apa yang dia kerjakan, dan bahawa orang yang berilmu itu memohonkan ampun untuknya dari yang ada di langit dan yang ada di bumi dan ikan paus yang berada di dalam air, dan bahawa keutamaan orang alim (orang yang berilmu) melebihi ahli ibadah adalah seperti kelebihan bulan, malam purnama. bulan di atas seluruh muka bumi, dan para ulama adalah pewaris para nabi, dan mereka tidak mewariskan satu dinar dan satu dirham, tetapi mereka mewarisi ilmu, maka barangsiapa yang mengambilnya, dia mendapat keberuntungan yang banyak."*

Oleh itu, tidak dinafikan bahawa manfaat menuntut ilmu dalam Islam itu sangatlah luas termasuklah aspek akidah, ibadah, akhlak, psikologi dan kehidupan di dunia dan akhirat. Selain itu nilai kebaikan atau ganjaran yang sangat tinggi di sisi Allah SWT sehingga mendapat kedudukan istimewa di dunia dan juga akhirat.